



06 SEP, 2023

Kastam tumpas cubaan seludup dadah RM1.2 juta

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam tumpas cubaan seludup dadah RM1.2 juta

Mesin pengimbas kesan 20 bungkus plastik foil aluminium mengandungi ketamin

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Sepang: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menggagalkan cubaan menyeludup masuk dadah jenis ketamin seberat 20.14 kilogram bernilai RM1.2 juta di Pusat Mel dan Kurier Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 28 Ogos lalu. Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan/ Pematuhan), Datuk Sazali Mohamad, berkata pemeriksaan mesin pengimbas terhadap satu kotak yang diikrar sebagai bahan farmaseutikal sebelum menjangkau 20 bungkus plastik foil aluminium mengandungi serbuk kristal disyaki dadah jenis ketamin.

Beliau berkata, siasatan mendapati bungkus itu dihantar dari sebuah negara di Asia Tengah untuk dihantar ke sebuah lokasi di Nilai, Negeri Sembilan.

Katanya, modus operandi sindiket adalah dengan menyem-



Sazali (dua dari kanan) menunjukkan dadah yang dirampas pada sidang media di Kompleks Kastam KLIA semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

bunyikan dadah berkenaan di dalam plastik 'aluminium foil' dan menggunakan alamat palsu berdekatan dengan sebuah kolej swasta bagi mengaburi pihak berkuasa.

"JKDM tidak menolak kemungkinan dadah itu adalah untuk dijual dan diedarkan kepada pelajar kolej berkenaan," katanya pada sidang media di Kompleks Kastam KLIA semalam.

Yang turut hadir Pengarah Operasi Penguatkuasaan Kastam Zon Tengah, Wong Pun Sian.

Kesan dalang sindiket

Sazali berkata, setakat ini tiada tangkapan dibuat, namun JKDM sedang menjalankan siasatan bagi mengesan dalang sindiket berkenaan.

Menurutnya, sejak awal tahun ini hingga 31 Ogos, JKDM mema-

tahkan 74 kes dadah di KLIA dengan jumlah keseluruhan RM13.4 juta.

Katanya, daripada jumlah itu 71 kes terdiri rampasan kurier, dua kes membabitkan penumpang manakala satu kes untuk dieksport.

"Antara jenis dadah dirampas ialah methamphetamine, kokain, heroin, eramin, ecstasy dan ganja," katanya.



06 SEP, 2023

Kastam tumpas cubaan seludup dadah RM1.2 juta

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Mesin pengimbas kesan 20 bungkus plastik foil aluminium mengandungi ketamin

Sepang: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menggagalkan cubaan menyeludup masuk dadah jenis ketamin seberat 20.14 kilogram bernilai RM1.2 juta di Pusat Mel dan Kurier Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 28 Ogos lalu.